

# Manifesto '99 perjelas bentuk negara Islam Pas

UM 23 JUL 2001

GUA MUSANG 22 Julai — Pas tidak perlu memperincikan secara bertulis dengan pelbagai bahasa mengenai bentuk negara Islam yang akan ditubuhkan jika dapat memerintah negara ini.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, ini kerana kefahaman mengenainya diperjelaskan dengan tepat sebagaimana kandungan manifesto pilihan raya umum lalu.

Katanya, perkara itu lebih difahami apabila rakyat Kelantan dan Terengganu menerimanya dalam pilihan raya umum itu.

“Pemerintahan Islam di kedua-dua negeri itu menjadi landasan pemerintahan Pas yang memberi keutamaan terhadap kesejahteraan rakyat berbilang kaum di negara ini,” katanya kepada pemberita selepas majlis pengislaman penduduk Orang Asli dan Rancangan Pengumpulan Semula Kuala Betis di sini hari ini.

Menteri Besar Kelantan itu berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai perkara itu sebagaimana disiarkan akhbar hari ini.

Perdana Menteri dalam laporan tersebut mencabar Pas memperincikan secara bertulis rancangan membentuk negara Islam yang dicita-citakan itu.

Nik Aziz berkata, Barisan Nasional (BN) tidak perlu risau mengenai perkara itu kerana Pas mempunyai kemampuan berbuat demikian demi kesejahteraan rakyat.

Katanya, BN sengaja menimbulkan perkara itu kerana mungkin mereka takut perkara itu akan menjadi kenyataan dalam pilihan raya 2004 nanti.

“Pas tidak pernah mungkir janji dan kejayaan mengenainya dapat dilihat di Kelantan dan Terengganu sekarang,” katanya.

Menurut beliau, sejak memerintah kedua-dua negeri itu, Pas telah melaksanakan pemerintahan Islam dengan menutup premis perjudian dan juga mengharamkan kegiatan yang bertentangan dengan agama.

Mengenai kemenangan calon BN dalam pilihan raya di Likas, Sabah beliau berkata, kemenangan itu sudah dijangka.

Katanya, ini ekoran pelbagai peraturan kempen serta ceramah politik yang memberikan kelebihan kepada calon kerajaan.